



KENYATAAN MEDIA

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-33

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)**

16 Disember 2020



PENGENALAN

1. Diharapkan agar semua Rakyat Malaysia dalam keadaan yang sihat. Dalam perkembangan terbaru di mana rentas negeri telah dibenarkan oleh pihak Kerajaan, diharapkan agar semua kekal mengikuti SOP bagi terus membendung wabak COVID-19.
2. **Laporan LAKSANA Ke-33** ini akan didahului dengan ulasan berhubung status pelaksanaan PENJANA dan KITA PRIHATIN. Manakala status pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula boleh didapati di Lampiran 1.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

3. Di bawah PENJANA, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat iaitu:
 - a. Memperkasakan Rakyat;
 - b. Melonjakkan Perniagaan; dan
 - c. Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

4. **Pertama, Program Subsidi Upah (PSU) (fasa pertama).** Sehingga 30 September 2020 (iaitu tarikh penutupan PSU 1.0), terdapat lebih 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja telah menerima PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA. **Sehingga 4 Disember 2020, permohonan subsidi upah yang diluluskan adalah sebanyak RM12.549 bilion** (peningkatan daripada RM12.524 bilion minggu lalu).

PSU 1.0

Tarikh Laporan	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
4 Disember	12.549	2.640	322,177
27 November	12.524	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah kumulatif

5. **Kedua, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Secara keseluruhannya, sehingga 4 Disember, seramai **99,282 pekerja** (peningkatan daripada 90,930 minggu lalu) telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Jumlah ini merangkumi **79,428 orang di bawah umur 40 tahun, 12,465 individu berusia di antara 40 hingga 60 tahun, serta 6,122 perantis dan 1,267 orang kelainan upaya (OKU).** Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan, perdagangan borong dan runcit, serta perkhidmatan lain. Senarai penuh dilampirkan.

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
4 Disember	79,428	12,465	6,122	1,267	99,282
27 November	72,505	11,370	5,808	1,247	90,930
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616

*Jumlah Kumulatif

Senarai 5 industri/ sektor pengambil pekerja tertinggi mengikut kategori

Bil.	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	Keseluruhan
1	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan
2	Perkhidmatan Lain	Pembuatan	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain
3	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal
4	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan
5	Pendidikan	Pembinaan	Maklumat & Komunikasi	Pendidikan	Pembinaan

6. **Ketiga, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Sehingga 4 Disember, seramai **126,792 individu telah diluluskan** (peningkatan daripada 126,367 minggu lalu) untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dirujuk dalam talian. Berdasarkan data yang diperolehi, antara kursus-kursus yang mendapat permintaan termasuk:

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place & Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu

		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council	<i>ETEP Enhanced Train& Place (PENJANA)</i>
5.	Northern Corridor Implementation Authority	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Program Ekonomi Gig
		Program Keusahawanan

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

7. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA bagi terus membantu Perusahaan Kecil Sederhana (PKS).** Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM2 bilion dan memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Sehingga 4 Disember, sebanyak **5,397 permohonan** (peningkatan daripada 5,301 minggu lalu) **telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM1.072 bilion.**

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
4 Disember	5,397	1,072.6**
27 November	5,301	1,085.7
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan oleh permohonan berulang yang dikenal pasti lantaran penyelarasan dan analisa lanjut.

8. **Kedua, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1 bilion**. Inisiatif ini bertujuan untuk menyokong PKS dan mikro tempatan dalam sektor pelancongan yang terkesan dengan COVID-19. Setakat 4 Disember, terdapat **519 PKS** (peningkatan daripada 506 minggu lalu) yang **telah memohon**, dan daripada jumlah ini sebanyak **236 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM47.6 juta** (peningkatan daripada 229 permohonan dengan nilai RM46.2 juta minggu lalu). Dengan pembukaan semula sempadan antara negeri, kemudahan ini dijangka dapat membantu PKS yang memerlukan suntikan dana dalam masa terdekat.
9. **Ketiga adalah Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN)**. Sehingga 4 Disember, sebanyak **RM253.1 juta** (peningkatan daripada RM227.5 juta minggu lalu) telah disalurkan bagi memanfaatkan **7,252 PKS Mikro** (peningkatan daripada 6,492 minggu lalu) **merangkumi bidang peruncitan dan perkhidmatan**.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
4 Disember	7,252	253.1
27 November	6,492	227.5
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

10. **Pertama, sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan**. Inisiatif ini diperkenalkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian dan makanan melalui **suntikan pembiayaan di samping menyediakan modal pusingan untuk petani, peladang dan nelayan**. Daripada jumlah **peruntukan sebanyak RM400 juta, RM350 juta** merupakan peruntukan di bawah **Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank**. Sehingga 4 Disember, sebanyak **RM57 juta** (peningkatan daripada RM53 juta minggu lalu) telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **5,796 PKS Mikro pertanian** (peningkatan daripada 5,534 minggu lalu).
11. **Kedua, pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel** untuk menyokong sektor pelancongan. Sebagai langkah Kerajaan dalam memastikan sektor pelancongan dan perhotelan dapat bertahan dan kembali pulih seperti sediakala, Kerajaan telah bersetuju memberikan lanjutan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan yang dikendalikan oleh pengendali premis penginapan mulai **1 September 2020 hingga 30 Jun 2021**. Setakat 4 Disember,

nilai pengecualian cukai yang telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan telah mencecah **nilai RM836.6 juta** (tiada peningkatan). Antara inisiatif lain bagi menyokong sektor pelancongan merangkumi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong serta pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya. Kedua-dua inisiatif akan tamat pada 31 Jun 2021.

12. **Ketiga, pengecualian 100% duti eksport kepada sektor komoditi.** Bagi merangsang pertumbuhan sektor komoditi dan nilai eksport negara, Kerajaan turut memperkenalkan pengecualian duit eksport sehingga 100% ke atas industri berasaskan minyak sawit. Antara manfaat daripada langkah cukai ini secara langsung akan dapat membantu memudahkan para pekebun kecil untuk menjual hasil keluaran mereka kepada kilang-kilang. Setakat 4 Disember, nilai pengecualian duti eksport yang berjaya dimanfaatkan oleh industri negara ialah **sebanyak RM373 juta** (peningkatan daripada RM325 juta minggu lalu).

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN

13. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0)**, di mana proses penunaian di BSN sedang berjalan sejak 26 Oktober. Proses semak silang permohonan baru dan rayuan juga sedang dijalankan, dan pembayaran bagi mereka yang lulus akan dibuat dalam bulan Januari 2021.
14. **Kedua, bagi Geran Khas PRIHATIN (GKP) 2.0** pula, tempoh rayuan GKP 2.0 dibuka mulai 7 hingga 21 Disember 2020. Rayuan boleh dibuat secara dalam talian di <https://gkp.hasil.gov.my>.
15. **Ketiga, bagi PSU 2.0 di bawah pakej KITA PRIHATIN** yang bermula 1 Oktober, setakat 4 Disember 2020, sebanyak **RM239.73 juta** (tiada peningkatan) telah dibelanjakan bagi membantu sebanyak 39,203 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan seramai 307,420 pekerja. Diingatkan bahawa permohonan baru bagi PSU 2.0 masih dibuka kepada majikan sehingga 31 Disember 2020.

PSU 2.0

Tarikh Laporan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
4 Disember	239.73	307,420	39,203
27 November	239.73	307,420	39,203
20 November	164.26	273,767	34,479

*Jumlah Kumulatif

ULASAN ISU SEMASA

A. KELULUSAN BELANJAWAN 2021 OLEH DEWAN RAKYAT

16. Alhamdulillah, negara kita telah mengorak selangkah lagi ke hadapan apabila Belanjawan 2021 telah diluluskan selepas bacaan ketiga di Dewan Rakyat pada 15 Disember semalam. Terima kasih diucapkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong RUU ini, dan semua yang menyumbang kepada penyiapan Belanjawan 2021, seperti warga Kementerian Kewangan, Kementerian-kementerian lain dan agensi-agensi Kerajaan.
17. Belanjawan 2021 ini telahpun saya bentangkan juga di Dewan Negara pada hari ini. InsyaAllah, semua langkah-langkah untuk kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi akan boleh dilaksanakan menjelang bulan Januari 2021.
18. Usaha Kerajaan meringankan beban Rakyat sememangnya telah tersedia di dalam lebih 270 inisiatif Belanjawan 2021. Ini termasuk bantuan langsung dan subsidi yang ditingkatkan kepada RM30.8 bilion, sehinggalah kepada penambahbaikan infrastruktur jalan, pengangkutan dan utiliti seperti elektrik, air dan jalur lebar untuk kemudahan semua, termasuklah penyediaan kemudahan bank bergerak di kawasan pedalaman dan pelbagai lagi.
19. Sehubungan itu, saya mengalu-alukan penyediaan kemudahan mesin teler automatik (ATM) buat julung kalinya di pekan Gedong, Simunjan di pedalaman negeri Sarawak. Ini setelah penantian sekian lama oleh penduduk yang sebelum ini terpaksa mengharungi perjalanan sehingga 40 minit untuk ke pekan terdekat untuk urusan perbankan. Terima kasih kepada Agrobank kerana menyediakan kemudahan tersebut. Ini adalah sebahagian dari komitmen Kerajaan dalam menangani pelbagai isu melalui Belanjawan 2021, untuk memastikan kesejahteraan rakyat, terutamanya mereka yang sedang berdepan dengan cabaran COVID-19.
20. Penambahbaikan langkah-langkah Belanjawan 2021 akan tetap diteruskan berdasarkan kemampuan dan kapasiti Kerajaan atau agensi-agensinya. Contohnya, minggu ini Dana Kemudahan Teknologi Tinggi di bawah pengurusan Bank Negara Malaysia telah ditingkatkan kepada jumlah keseluruhan RM1 bilion, iaitu penambahbaikan 100% daripada peruntukan asal RM500 juta semasa pengumuman Belanjawan 2021. Ini demi memenuhi keperluan membantu PKS berpaksikan inovasi yang terjejas oleh COVID-19, serta menggiatkan kapasiti inovasi negara.

21. Bagi hampir 1.6 juta perniagaan berdaftar pula, mereka sudah tentu boleh menarik nafas lega dengan pemerkasaan bantuan seperti Program Subsidi Upah dan Geran Khas Prihatin bersasar, pelbagai pelepasan cukai, serta lanjutan moratorium dan pelbagai skim pembiayaan dan geran-geran bagi membantu perniagaan mereka berkembang dan melonjak semula.
22. Kerajaan ini akan terus mendengar. Pada masa yang sama, orang ramai, pihak swasta, pihak pembangkang dan pihak Kerajaan sendiri boleh terus memantau pelaksanaan inisiatif terbabit di dalam Laporan Mingguan LAKSANA ini, yang merangkumi inisiatif Pakej-pakej rangsangan PRIHATIN, PENJANA, KITA PRIHATIN, dan seterusnya Belanjawan 2021. Kerajaan akan terus menumpukan usahanya kepada pelaksanaan dan keberhasilan (*execution and outcome*).

B. MAJLIS PEKERJAAN NEGARA

23. Berkait juga dengan usaha memastikan pelaksanaan inisiatif Kerajaan yang efektif, pada minggu lepas, telah berlangsungnya **mesyuarat pertama bagi Majlis Pekerjaan Negara (*National Employment Council* - NEC)** yang dipengerusikan secara maya oleh YAB Perdana Menteri.
24. NEC merupakan majlis tadbir urus tertinggi negara dalam penetapan dasar, pelaksanaan serta pemantauan inisiatif Kerajaan mengatasi isu pengangguran dan menjana pekerjaan. Majlis ini dianggotai menteri-menteri berkaitan, beserta wakil sektor swasta dan industri bagi memastikan kesepadanan inisiatif Kerajaan dengan keadaan semasa.
25. Seperti yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri, inisiatif Kerajaan menjana pekerjaan melalui pelbagai Kementerian dan agensi berlainan sebelum ini akan ditambahbaik dengan koordinasi antara Kementerian dan agensi yang lebih tersusun.
26. Peningkatan kebekersanan inisiatif berkaitan pekerjaan melalui usaha seperti NEC adalah demi mencapai matlamat Kerajaan menjana 500,000 pekerjaan termasuk dalam bidang teknikal dan kewangan di bawah inisiatif JanaKerja, dengan peruntukan sebanyak RM3.7 bilion yang telah diumumkan di bawah Belanjawan 2021 sebelum ini.
27. Antara inisiatif utama termasuk insentif pengambilan pekerja Penjana Kerjaya bernilai RM2 bilion, pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan semula menerusi sekurang-kurangnya enam agensi, serta 50 ribu peluang pekerjaan secara kontrak di sektor awam dan melalui syarikat berkaitan kerajaan atau GLCs.

28. Dalam pada itu, Agensi LAKSANA di bawah Kementerian Kewangan berperanan sebagai sekretariat NEC yang memantau pelaksanaan inisiatif berkaitan, serta langkah-langkah lain di bawah Belanjawan 2021 oleh Kementerian dan agensi berkaitan.
29. Bagi warganegara yang sedang mencari peluang pekerjaan bolehlah mendaftarkan diri di portal **MyFutureJobs** <https://www.myfuturejobs.gov.my/> yang merupakan pusat hentian setempat dan rujukan utama bagi inisiatif berkaitan pekerjaan. Semoga rakyat Malaysia dapat meningkatkan kemahiran dan produktiviti melalui peluang yang disediakan ini.

C. AWAS AKTIVITI PENIPUAN (SCAM)

30. Baru-baru ini telah diumumkan bahawa permohonan program pengeluaran Akaun 1 KWSP i-Sinar akan dibuka kepada pencarum mulai 21 Disember ini. Pada masa yang sama, terdapat iklan-iklan di media sosial dan dalam talian bagi memancing pencarum bagi mengeluarkan wang simpanan mereka supaya dilaburkan di dalam skim-skim berbaur penipuan.
31. Semua pencarum diingatkan supaya menggunakan saluran rasmi bagi sebarang urusan KWSP, iaitu di cawangan dan kiosk KWSP terdekat, laman web rasmi i-Sinar iaitu isinar.kwsp.gov.my, serta portal atau aplikasi i-Akaun KWSP.
32. Selain itu, isu penipuan dalam talian juga dilihat semakin berleluasa berikutan peningkatan traksaksi dalam talian seperti pembayaran dan pembelian barangan di platform e-dagang di zaman COVID-19. Ada juga berita menyiarkan tentang *scammers* yang telah mendapatkan maklumat peribadi orang awam melalui pakej bungkusan (*parcel*) yang dibuang untuk menggertak dan menipu individu tersebut untuk mendapatkan wang.
33. Orang ramai diingatkan supaya menjaga dan menyimpan maklumat peribadi dengan baik. Jangan sekali-kali mendedahkan maklumat seperti nama *login*, kata laluan, butiran bank akaun dan pelbagai maklumat sensitif kepada platform yang tidak disahkan, ataupun kepada orang yang tiada pengenalan sah rasmi. Jika terasa telah ditipu atau data peribadi telah dikompromi, segera laporkan kepada pihak polis dan bank anda, atau agensi-agensi berkaitan seperti BNM atau Suruhanjaya Sekuriti untuk tindakan lanjut.

PENUTUP

34. Peringatan juga kepada semua agar tidak lalai dalam mengamalkan SOP dalam menjalani kehidupan seharian dan aktiviti pekerjaan serta perniagaan. Kejayaan kita memulihkan ekonomi negara sebahagiannya bergantung kepada kejayaan kita membendung wabak COVID-19. InsyaAllah, **Teguh Kita, Menang Bersama.**

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
16 Disember 2020

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Sehingga 4 Disember 2020, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM13.37 bilion (peningkatan daripada RM12.80 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.83 juta penerima (peningkatan daripada 4.80 juta minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Sehingga 4 Disember 2020, sebanyak RM445.19 juta (peningkatan daripada RM441.78 juta minggu lalu) telah disalurkan berdasarkan 1,305,934 tuntutan (peningkatan daripada 1,283,189 minggu lalu) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN																																
3.	Skim Kredit Mikro TEKUN	Setakat 4 Disember 2020, pembayaran telah dibuat kepada 26,251 PKS melibatkan jumlah sebanyak RM199.54 juta (tiada peningkatan).																														
4.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 4 Disember 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.17 bilion (peningkatan daripada RM11.13 bilion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 23,759 PKS (peningkatan daripada 23,711 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF). <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>4 Disember</td><td>11.17</td><td>23,759</td></tr> <tr> <td>27 November</td><td>11.13</td><td>23,711</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	4 Disember	11.17	23,759	27 November	11.13	23,711	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																														
4 Disember	11.17	23,759																														
27 November	11.13	23,711																														
30 Oktober	10.87	23,305																														
25 September	10.67	22,984																														
28 Ogos	10.3	22,440																														
Julai	9.6	21,410																														
Jun	8.4	19,539																														
Mei	6.9	16,833																														
April	1.5	3,636																														